

17/08/1997

## Lapangan Terbang Bayan Lepas kekal

KUALA LUMPUR: Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Bayan Lepas akan dikekalkan apabila Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) yang dibina di kawasan tebus guna berhampiran Kuala Muda, Kedah, beroperasi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, LTAB Bayan Lepas tidak akan ditutup selagi pelabur di negeri itu memerlukan lapangan terbang itu untuk pengangkutan kargo udara.

Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa NRIA dibina untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk di wilayah utara.

"Kerajaan akan membina lebuh raya untuk menyambung lapangan terbang baru itu dengan Pulau Pinang yang boleh memendekkan tempoh perjalanan seperti dari Georgetown ke Bayan Lepas," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Gerakan Ke-26, Perdana Menteri berkata, pembinaan lapangan terbang baru itu akan dimulakan selepas mendapat kelulusan Penilaian Kajian Alam Sekitar (EIA).

Sebelum majlis perasmian itu, Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan singkat dengan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Menjawab soalan, Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan pihak pembangkang akan mempolitikkan projek lapangan terbang itu.

"Sudah tentu pihak pembangkang akan cuba menggunakan isu ini sepenuhnya. Tetapi saya berpendapat rakyat Pulau Pinang sudah cukup matang dalam perkara ini.

"Kita berjaya memerintah negara dan tidak wajar untuk membina tiga lapangan terbang di satu tempat," katanya.

Sementara itu, Dr Koh berkata, beliau gembira kerana Perdana Menteri sekali lagi memberi jaminan LTAB Bayan Lepas tidak akan ditutup sekiranya terdapat permintaan.

"Perdana Menteri memberi penjelasan sekiranya ada keperluan pelabur dan permintaan untuk lapangan terbang itu diteruskan, ia akan dikekalkan walaupun LTAB dibangunkan di sempadan Kedah-Pulau Pinang.

"Kedudukan LTAB Bayan Lepas pada masa depan akan diputuskan berdasarkan kajian kepentingannya yang akan dibuat dari semasa ke semasa," katanya.

Di ALOR STAR, Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata kerja tebus guna laut berhampiran Kuala Muda di Sungai Petani yang antara lain bagi pembinaan NRIA akan dimulakan awal Oktober ini.

Menurutnya, pada masa ini sebuah syarikat dari Belanda sedang membuat persiapan kelengkapan jentera bagi memulakan kerja menambak kawasan terbabit.

Berucap dalam majlis Malam Mesra Persatuan Pesara-Pesara Kerajaan Malaysia cawangan Kedah, di sini malam kelmarin, beliau berkata, kerja membabitkan kawasan 6,300 hektar itu akan dilaksana secara berperingkat dan syarikat terbabit dijangka berupaya menambak kawasan seluas empat hektar setiap minggu.

Keseluruhan kos penambakan berjumlah kira-kira RM10 bilion, manakala pelaburan membangunkan kawasan bernilai RM90 bilion.

(END)